

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Asia aims to provide capital appreciation by investing in Shariah-compliant securities in the Asia Pacific ex-Japan region including Malaysia.

Takafulink Dana Asia bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah dalam rantau Asia Pasifik kecuali Jepun termasuk Malaysia.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset


| | % NAV |
|--|-------|
| 1 Principal DALI Asia Pacific Equity Growth Fund | 98.16 |
| 2 Cash, Deposits & Others | 1.84 |

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

| | |
|---|-------------------------------|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan | Prudential BSN Takaful Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan | 10/05/2021 |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini | RM2,403,103.71 |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 1.50% per annum |
| Current NAV / NAB Terkini | RM0.93821 |

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Asia Vs. 30% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index + 70% MSCI AC Asia ex Japan Islamic Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

| | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga | 0.83% | -7.58% | -4.29% | 9.93% | -6.37% | NA | -6.18% |
| Benchmark / Penanda Aras | -2.78% | -10.25% | -7.37% | 9.92% | -2.07% | NA | -5.32% |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | 3.61% | 2.67% | 3.08% | 0.01% | -4.30% | NA | -0.86% |

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Fund Review & Strategy

The Fund returned 0.83% for the month, outperforming the benchmark return of -2.78% by 3.61%. Year-to-date, The Fund returned 2.39%, outperforming the benchmark return of 1.77% by 0.62%. Malaysia's manufacturing sector conditions remain somewhat muted in October with a PMI reading of 49.5 pts, unchanged from the previous month. S&P Global however noted that firms recorded a renewed rise in new order intakes, albeit production volumes scaled back further alongside purchasing activity. Optimism of a recovery in new orders over the coming 12 months, which rose to a YTD high last month, remains solid. The latest PMI data suggests 3Q24 GDP growth momentum could sustain at a similar pace as the preceding quarter, which was at 5.9%. To recap, BNM now projects GDP to grow 4.8-5.3% in 2024, revised up from 4-5% previously, and the economy to expand by 4.5-5.5% in 2025. On current volatility, partly due to US election, the Target Fund Manager is actively deploying cash that were raised earlier selectively into defensives and quality names. They believe improved political stability, stronger earnings growth prospects and higher domestic investments would keep the market afloat. Key catalysts are domestic fiscal reforms, surge in investments and elevated domestic liquidity. Key risks are the derailment of Malaysia's macroeconomic recovery and corporate earnings growth due to the larger-than-expected impact of rising inflation, slower global economic growth, and heightened geopolitical risk. For regional equities, Chinese policymakers have shown that they have an open-ended commitment to boost growth until the economy improves. During the month, the Ministry of Finance suggests that the central government has "fairly large" flexibility to increase fiscal deficit and debt to support growth. Further policymaking will likely be a data-dependent process. The Target Fund Manager is incrementally more positive on Chinese equities due to the government's pro-growth stance and will be monitoring the improvement in business and consumer sentiment over the coming months to gauge whether there is sufficient response by the policymakers. The outcome of the US elections would have implications for Asian economies in terms of trade dynamics and geopolitics. India and ASEAN countries are more insulated and stand to benefit from continued supply chain shifts. Monetary easing in the US should bode well for risk assets such as Asian equities, although the situation is fluid depending on US trade, tax, immigration and fiscal policies. The Target Fund Manager remain fully invested and well positioned in the areas of a) broad-based exposure across India in consumption, industrials, healthcare, property b) selected technology names across foundry, IT services, software, internet c) ideas where return drivers are not major macro factors, e.g. ASEAN and global energy transmission, pharmaceuticals. During the month, they added selectively to China/ HK SAR, broadening out into property and industrials at the expense of India, where they saw some near-term slowdown due to monsoon and elections in the last two quarters.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana menjana pulangan 0.83% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -2.78% dengan perbezaan 3.61%. Sejak awal tahun sehingga tinjauan, Dana memperoleh pulangan 2.39%, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak 1.77% dengan perbezaan 0.62%. Keadaan sektor pembuatan Malaysia kekal agak lengang pada bulan Oktober dengan bacaan PMI 49.5 mata, tidak berubah daripada bulan sebelumnya. S&P Global bagaimanapun memaklumi bahawa firma-firma terbabit merekodkan peningkatan dalam pengambilan pesanan baharu, walaupun volum pengeluaran semakin berkurangan seiringan aktiviti pembelian. Optimistik pemulihan pesanan baharu dalam tempoh 12 bulan akan datang yang meningkat kepada paras tertinggi YTD bulan lepas, masih mantap. Data PMI terkini mencadangkan momentum pertumbuhan KDNK 3Q24 boleh dikekalkan pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya, iaitu pada 5.9%. Sebagai rujukan, BNM kini mengunjurkan KDNK berkembang 4.8-5.3% pada tahun 2024, disemak daripada 4-5% sebelum ini, manakala ekonomi mengembang 4.5-5.5% pada tahun 2025. Mengenai volatiliti semasa yang sebahagiannya disebabkan oleh pilihan raya AS, maka Pengurus Dana Sasaran secara aktif menggunakan wang tunai yang dikumpulkan lebih awal secara selektif ke dalam saham defensif lagi berkualiti. Pengurus percaya bahawa kestabilan politik yang lebih baik, prospek pertumbuhan pendapatan yang lebih kukuh dan pelaburan domestik yang lebih tinggi akan memulihara pasaran. Pemangkin utama ialah penjanaan fiskal domestik, lonjakan dalam pelaburan dan kecairan domestik yang melimpah. Risiko utama ialah kegelisahan tentang pemulihan makroekonomi Malaysia dan pertumbuhan pendapatan korporat yang disebabkan oleh kesan kenaikan inflasi yang lebih besar daripada jangkaan, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan peningkatan risiko geopolitik. Meninjau ekuiti serantau, penggubal dasar di China telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai komitmen terbuka untuk meningkatkan pertumbuhan sehingga ekonomi bertambah baik. Pada bulan tersebut, Kementerian Kewangan mencadangkan bahawa kerajaan pusat punyai fleksibiliti yang "agak besar" untuk meningkatkan defisit fiskal dan hutang agar menyokong pertumbuhan. Penggubalan dasar selanjutnya mungkin akan menjadi proses yang bergantung kepada data. Pengurus Dana Sasaran semakin positif terhadap ekuiti China berikutan pendirian pro-pertumbuhan kerajaan dan akan memantau peningkatan dalam perniagaan dan sentimen pengguna mulai beberapa bulan akan datang, untuk mengukur sama ada terdapat gerak balas yang mencukupi dari penggubal dasar. Keputusan pilihan raya AS akan memberi implikasi kepada ekonomi Asia dari segi dinamik perdagangan dan geopolitik. India dan negara-negara ASEAN lebih terlindung dan mendapat manfaat daripada anjakan rantaian bekalan yang berterusan. Pelonggaran monetari di AS sewajarnya memberi petanda yang baik buat aset berisiko seperti ekuiti Asia, walaupun daya aliran bergantung kepada perdagangan AS, cukai, imigresen dan dasar fiskal. Pengurus Dana Sasaran masih melabur sepenuhnya dan pelaburan berada pada kedudukan yang baik dalam bidang a) pendedahan besar di seluruh India dalam penggunaan, perindustrian, penjagaan kesihatan, harta benda b) saham teknologi terpilih merentas foundry, perkhidmatan IT, perisian, internet c) idea yang mana pemacu pulangan bukan faktor makro utama, contohnya ASEAN dan penghantaran tenaga global, farmaseutikal. Pada bulan ini, pengurus menambah secara terpilih kepada SAR China/HK, meluaskan pelaburan ke dalam hartanah dan perindustrian dengan mengorbankan India, berikutan pengurus melihat kelembapan jangka pendek akibat monsun dan pilihan raya dalam dua suku tahun terakhir.

Source / Sumber: Fund Commentary, October 2024, Principal Asset Management Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

TAKAFULINK DANA ASIA

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL